

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kajian Separuh Penggal (KSP) ke atas Rancangan Pengurusan Hutan Negeri Johor 2006 Hingga 2015 (RPH) ini dibuat selaras dengan semangat (spirit) RPH itu sendiri di mana ia tidak rigid tetapi tertakluk kepada kajian semula dan pengemaskinian (updating) dari masa ke semasa sepanjang tempoh pelaksanaannya. Kajian ini juga membolehkan Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) mencapai keperluan yang ditetapkan oleh MC&I(2002) bagi pengurusan hutan simpanan kekal di Negeri Johor di bawah Skim Pensijilan Malaysian Timber Certification Council (MTCC).

Pelaksanaan KSP ini membolehkan JPNJ memantau kemajuan pelaksanaan program/projek/aktiviti perhutanan yang dilaksanakan di bawah tempoh RPH semenjak ia mula dilaksanakan pada tahun 2006, beberapa penemuan dari segi kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman telah dikenalpasti. Maklumat-maklumat daripada penemuan iniamat berguna bagi JPNJ dalam menentukan sama ada sebarang pengubahsuaian (adjustments) ke atas RPH perlu dibuat bagi memastikan keberkesanan pelaksanaannya bagi tahun-tahun yang mendatang sehingga tamat tempoh RPH pada tahun 2015.

Pada akhir kajian, kawasan berhutan di Negeri Johor merangkumi 24.57% atau 467,262 hektar dari keseluruhan 1,901,600 hektar keluasan negeri. Seluas 351,771 hektar merupakan kawasan HSK. Pada tempoh ini juga, seluas 9,850.36 hektar kawasan Tanah Kerajaan telah diwartakan sebagai HSK. Manakala itu, seluas 71,056.69 hektar lagi kawasan hutan tanah kerajaan yang telah diluluskan sebagai Cadangan Hutan Simpanan Kekal (CHSK) oleh pihak Kerajaan Negeri dalam proses untuk diwartakan pada tempoh kedua RPH. Kawasan HSK dan CHSK adalah diuruskan di bawah prinsip pengurusan hutan secara berkekalan untuk tujuan memaksimumkan kepentingan ekonomi, sosial dan alam sekitar. Sumber hutan asli di Negeri Johor terdiri daripada tiga jenis hutan utama iaitu Hutan Darat, Hutan Paya Gambut dan Hutan Paya Laut.

Pada tempoh pertama, hanya satu pengkelasan hutan di bawah Seksyen 10(1), APN 1984 telah diwartakan iaitu bagi Hutan Tadahan Air melalui tiga (3) Pemberitahuan iaitu, (i) Warta Kerajaan Negeri No. 12 Jilid 52 No. 4083 bertarikh 5 Jun 2008 melibatkan kawasan seluas 46,370.87 hektar; (ii) Warta Kerajaan Negeri No. 21 Jilid 52 No. 7128 bertarikh 9 Oktober 2008 melibatkan kawasan seluas 35,611.74 hektar; dan (iii) Warta Kerajaan Negeri No. 25 Jilid 53 No. 12045 bertarikh 3 Disember 2009 melibatkan kawasan seluas 3,615 hektar. Keseluruhan kawasan Hutan Tadahan Air yang diwartakan adalah seluas 85,597.61 hektar.

Catuan Tebangan Tahunan (CTT) yang ditetapkan bagi setiap negeri adalah bertujuan untuk memastikan perancangan pengurusan hutan yang teratur dan berkesan bagi mengimbangi kadar pengusahasilan dengan keluasan hutan pengeluaran dalam HSK semasa, sejajar dengan konsep pengurusan hutan secara berkekalan dan pengusahasilan hutan yang optimum. Penetapan CTT bagi hutan darat asli dan hutan paya gambut dibuat melalui Majlis

Perhutanan Negara (MPN). Bagi tempoh pertama RPH (2006-2010), CTT yang ditetapkan dan diluluskan MPN bagi Negeri Johor adalah sebanyak 2,250 hektar setahun. Manakala bagi tempoh kedua RPH (2011-2015) pula, CTT yang ditetapkan adalah 2,940 hektar setahun. Pertambahan kadar CTT ini diperolehi dari kawasan hutan yang telah matang dan bersesuaian yang diurus dibawah Sistem Pengurusan Memilih (SMS) 30tahun. Satu lagi faktor penting yang menyebabkan CTT dalam kajian KSP ini bertambah disebabkan luas kawasan yang diluluskan dan diusahasil dalam HSK bagi tahun 2009 dan 2010 tidak mencapai atau melebihi daripada keluasan CTT 2,250 hektar yang diluluskan bagi tempoh 2006 hingga 2010.

Kajian semula ini telah menganalisisakan jumlah CTT yang dirancang berbanding dengan jumlah kawasan HSK yang dilesenkan untuk diusahasil dalam tahun tersebut. Penganalisaan tersebut mendapati jumlah yang dirancang dan dilesenkan setiap tahun dari tahun 2006-2010 dan jumlah perbezaan untuk tempoh 5 tahun mencatatkan pengurangan sebanyak 4,163 hektar atau 37%. Keadaan ini menggambarkan pengurusan hutan di Negeri Johor dilaksanakan selaras dengan prinsip Pengurusan Hutan Secara Berkekalan dimana pengawalan CTT dibuat dengan mengamalkan konsep kawalan-keluasan (area control).

Pelaksanaan preskripsi tambahan di bawah SMS yang menghadkan pengeluaran kepada masing-masing maksima 85 m³/ha dan 61m³/ha untuk Hutan Dara dan Hutan Sudah Balak telah banyak membantu meningkatkan produktivi dirian tinggal dan membolehkan sebahagian pokok yang bersaiz di atas had batas tebangan ditinggalkan. Pelaksanaan preskripsi ini dilaksanakan dan dipatuhi dengan sepenuhnya di Negeri Johor berdasarkan kajian laporan tutup yang telah memberi maklumat isipadu pengeluaran bersih dari lesen-lesen pengusahasilan dari tahun 2006-2010. Adalah wajar perkara ini terus dipantau dengan sepenuhnya dan pelaksanaannya dikaji dari masa ke samasa.

Pada akhir tahun 2010, terdapat sebanyak 87 buah kilang kerja kayu diluluskan Lesen Sementara yang diberikan kebenaran untuk beroperasi selama tiga (3) tahun selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor pada mesyuaratnya yang diadakan pada 20.9.2006. JP NJ perlu memastikan pihak pekilang ini berusaha untuk mendapatkan kelulusan menjalankan industri daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Alam Sekitar sebelum tamat tempoh 3 tahun yang diluluskan tersebut. Sebarang bantuan yang diperlukan oleh pihak pekilang hendaklah diselaraskan oleh JP NJ dengan sebaiknya. Ini adalah penting memandangkan beberapa buah kilang yang diberikan kelulusan Lesen Sementara ini akan tamat tempoh operasinya pada tahun 2011.

Sejumlah 633,808m³ kayu balak bulat dengan purata sebanyak 126,761.60m³ setahun telah dihasilkan dari kawasan-kawasan lesen di pelbagai status tanah hutan (HSK, tanah kerajaan, tanah bermilik dan lain-lain rizab berhutan) di Negeri Johor. Sementara itu, rekod menunjukkan penggunaan kayu balak bulat oleh industri berasas kayu utama (kilang papan dan kilang papan lapis) di Negeri Johor adalah sebanyak 2,466,317m³ dalam tempoh yang sama atau purata 493,263.40m³ setahun. Keadaan ini meninggalkan pengurangan sebanyak

1,832,509m³ kayu balak bulat bagi kegunaan industri berasas kayu utama di ini. Keadaan ini memerlukan JPNJ untuk mengkaji dan menyusun semula pembangunan dan kesinambungan industri berasas kayu di Negeri Johor bagi menampung kekurangan bekalan kayu balak dalam negeri. Pengimpotan kayu-kayu balak bulat dari negeri-negeri jiran disarankan sebagai alternatif segera untuk menampung kekurangan bekalan ini.

Sebuah Laporan Makro Environmental Impact Assessment (MEIA) yang merupakan satu dokumen penting dalam pengurusan HSK telah disediakan dalam tempoh pertama RPH. Kajian MEIA ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji kesan-kesan negatif dan positif ke atas alam sekitar hutan akibat dari pelaksanaan aktiviti atau operasi perhutanan terutamanya pengusahasilan di kawasan hutan pengeluaran. Laporan MEIA ini telah mengenalpasti impak utama semasa operasi pengusahasilan di hutan asli. Kawasan-kawasan dengan nilai pemuliharaan yang tinggi yang memerlukan perlindungan dan pemuliharaan juga digariskan. Laporan ini juga menyediakan jangkaan yang setepat mungkin ke atas impak yang berkemungkinan wujud di dalam aktiviti perhutanan berdasarkan maklumat-maklumat yang sedia ada. Seterusnya, laporan ini juga menggariskan cadangan langkah-langkah pencegahan dan perlindungan yang sesuai untuk mengurangkan impak. Dengan adanya kajian MEIA ini, menunjukkan bahawa pihak JPNJ memandang serius terhadap pemeliharaan dan perlindungan kawasan-kawasan HSK serta alam sekitar di Negeri Johor. MEIA ini juga menepati ketetapan yang diperlukan bagi Prinsip 6: Impak Alam Sekitar di bawah Kriteria Dan Petunjuk Untuk Pensijilan Pengurusan Hutan Di Malaysia atau lebih dikenali sebagai MC&I (2002). Pematuhan ke atas prinsip ini adalah bukti ke arah pelaksanaan amalan dan pematuhan pengurusan hutan secara berkekalan.

Pada asasnya, pengujudan kawasan Hutan Pemeliharaan Nilai Tinggi (High Conservation Value Forest: HCVF) di Negeri Johor adalah berpandukan kepada takrifan HCVF yang dibuat oleh pihak Forest Stewardship Council (FSC) yang digubal sebagai standard MC&I(2002) bagi proses pensijilan pengurusan hutan di Malaysia. Pada tempoh pertama RPH, kawasan HCVF bagi spesies endemik melibatkan 2 spesies iaitu Resak Batu (*Cotylelobium melanoxyton*) dan Damar Hitam Telepok (*Shorea peltata*) juga telah ditubuhkan.

Adalah menjadi satu keutamaan untuk menggariskan/membincangkan berkaitan masyarakat orang asli dalam RPH. Ini adalah kerana masyarakat orang asli boleh mempengaruhi dalam pengurusan sesuatu kawasan HSK. Sementara itu, terdapat aktiviti masyarakat orang asli ini yang bergantung hidup kepada kawasan berhutan terutamanya kawasan HSK, meninggalkan kesan-kesan negatif (seperti penerokaan tanah untuk penempatan dan tanaman pertanian, penebangan pokok); dan ini secara langsungnya mempengaruhi pelaksanaan pengurusan aktiviti perhutanan. Di samping itu, keperluan untuk mengambilkira komuniti ini dalam sebarang perancangan dan pengurusan hutan adalah juga ditekankan dalam dokumen MC&I(2002) sebagaimana pada Prinsip 3: Hak-Hak Pribumi: Hak menurut undang-undang dan adat pribumi untuk memegang, mengguna dan mengurus tanah, kawasan dan sumber mereka harus diiktiraf dan dihormati.

Negeri Johor merupakan salah satu negeri pengeluar perabot yang terbesar di negara ini yang kebanyakan kilangnya terletak di Daerah Muar. Jabatan Perhutanan Negeri Johor adalah komited bersama-sama Kerajaan Negeri untuk menambahkan bahan mentah kayu-kayan bagi menampung keperluan industri perabot ini. Salah satu strategi bagi mencapai tujuan ini adalah dengan menubuhkan ladang hutan bagi tujuan pengeluaran kayu-kayan dari jenis tumbuhan cepat-membesar. Ke arah ini, Kerajaan Negeri Johor telah mengambil keputusan untuk menanam pokok getah jenis balak (TLC) di kawasan hutan tanah kerajaan yang terosot (degraded) supaya dapat menampung bekalan kayu untuk industri perabot dan tidak bergantung sepenuhnya kepada sumber kayu dari hutan asli. Pemilihan kawasan ini adalah berdasarkan kepada keadaan dirian hutan yang terosot (degraded), yang mana perlu dipulihkan atau dihutankan semula dengan tanaman pokok-pokok hutan. Spesies pokok-pokok balak getah dipilih di atas jangkaan akan dapat membekalkan sumber bahan kayu dalam tempoh yang singkat. Kawasan tanah kerajaan yang terosot tersebut yang telah dibangunkan sebagai ladang hutan getah TLC seterusnya diwartakan sebagai kawasan HSK. Keadaan ini secara langsungnya dapat menambah keluasan kawasan HSK di Negeri Johor serta juga berupaya mewujudkan kawasan hijau untuk kestabilan alam sekitar. Seluas 37,880.49 hektar kawasan hutan tanah kerajaan terosot telah diluluskan untuk tujuan ini.

Pada tahun 2006, Jabatan Perhutanan Negeri Johor dengan kerjasama awal dengan Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) Cawangan Johor telah memulakan perancangan untuk menubuhkan Suaka Burung Panti. Suaka burung ini yang sebelumnya dikenali sebagai Bunker Trail terletak dalam HS Panti, Kota Tinggi meliputi kawasan seluas 1,800 hektar. Tujuan utama pembangunan suaka burung ini adalah untuk memastikan ekosistem kawasan ini tidak teracam bagi memastikan populasi burung-burung dapat terus dikekalkan; untuk mewujudkan sebuah kawasan konservasi burung-burung berkentingan antarabangsa berteraskan ekosistem hutan tanah pamah; serta membenarkan aktiviti ekopelancongan yang terkawal. Kawasan konservasi seperti Suaka Burung Panti amat memerlukan rancangan pengurusan yang komprehensif terutamanya apabila ia juga hendak dipromosikan sebagai destinasi ekopelancongan. Rancangan pengurusan yang terperinci akan mengambil masa yang lama untuk disediakan dan memerlukan maklumat yang mencukupi. Dengan demikian JP NJ disarankan untuk mengambil kerjasama dengan MNS atau mana-mana agensi/pihak yang berkepentingan untuk menyediakan satu rancangan pengurusan awal sebagai langkah sementara yang boleh dilaksanakan dengan kadar segera dalam masa perantaraan sebelum rancangan pengurusan terperinci disediakan, terutamanya bagi menangani beberapa isu penting yang ditimbulkan pada masa ini.

Pelaksanaan aktiviti pengurusan hutan terutamanya aktiviti pengusahasilan hutan atau pembalakan sering dikaitkan dengan kemusnahan habitat hidupan liar dan seterusnya membantu kepada penurunan dan kepupusan populasi spesies. Beberapa langkah mitigasi telah disarankan untuk diberikan perhatian khusus oleh JP NJ bagi mengatasi impak yang timbul ke atas hidupan liar ini.

Rancangan Fizikal Negara (RFN) ke-2 yang diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Ogos 2010 telah mengenalpasti fragmentasi kawasan berhutan sebagai ancaman kepada pemeliharaan hutan dan perlindungan biodiversiti. Salah satu dasar yang ditekankan dalam RFN Ke-2 adalah pernyataan Dasar RFN23 yang menyatakan keperluan mewujudkan kawasan CFS bagi membentuk tulang belakang jaringan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS). Rekod menunjukkan terdapat beberapa buah HSK terlibat dengan kelarian CFS bagi Negeri Johor. HSK yang terlibat merupakan rangkaian 7 buah HSK yang menghubungkan jajaran koridor CFS Taman Negara Endau Rompin-Rizab Hidupan Liar Kluang; antaranya:

- (i) PL-1: HS Labis (bahagian timur)-HS Mersing & HS Lenggong.
- (ii) PL-3: HS Panti-HS ULu Sedili (bahagian selatan).
- (iii) SL-4: HS Mersing-HS Jemaluang.
- (iv) SL-5: HSPanti-Kuala Sedili

Penganalisaan ke atas kajian yang dijalankan terhadap pelaksanaan perancangan projek bagi tempoh pertama RPH mendapati beberapa projek yang dirancangan tidak terlaksana (pencapaian 0% daripada sasaran). Begitu juga terdapat banyak projek yang dilaksanakan mempunyai pencapaian yang rendah daripada 50%. Antara program-program yang disaran untuk disemak semula adalah:

- (i) Program Pembangunan Sumber Hutan;
- (ii) Program Pemeliharaan Sumber Hutan;
- (iii) Program Perhutanan Masyarakat; dan
- (iv) Program Pembangunan Sumber Manusia/Infrastruktur & Logistik/Pengembangan

Kajian yang dijalankan juga telah mengenalpasti beberapa keadaan/faktor yang menjadi halangan serta, pada masa yang sama juga memberikan peluang ke arah peningkatan prestasi pengurusan JPNN di sepanjang tempoh kajian (2006-2010), antaranya:

- (i) Pengumpulan, penyimpanan, pengagihan, penggunaan, aliran maklumat, data dan rekod
- (ii) Kerjasama Berkumpulan (Teamwork)
- (iii) Tahap kemahiran kakitangan
- (iv) Kadar pemulihan hutan yang rendah
- (v) Kesedaran masyarakat awam terhadap perhutanan
- (vi) Penyelidikan dan pembangunan
- (vii) Penguatkuasaan Perundangan Perhutanan
- (viii) Hasil hutan bukan kayu dan perkhidmatan hutan
- (ix) Perladangan Hutan melalui tanaman spesies pokok dan tumbuhan berkualiti dan mempunyai nilai komersial yang tinggi

Pihak JPNJ disaran untuk terus berusaha supaya halangan dan batasan yang dikenalpasti di atas ditangani dengan baik menurut keutamaan masing-masing supaya dapat dijadikan landasan untuk terus maju mencapai prinsip pengurusan hutan secara berkekalan.

SYOR-SYOR PENAMBAHBAIKAN RPH BAGI TEMPOH KEDUA (2011-2015)

bagi menjayakan pelaksanaan RPH untuk tempoh kedua (2011-2015), JPNJ disarankan untuk memberi perhatian ke atas perkara berikut:

- (i) Kawasan HSK sedia ada perlu dikekalkan bagi mencapai matlamat PHSB bagi mengimbangi kestabilan alam sekitar serta usaha untuk menambah keluasan HSK sekurang-kurangnya 30% dari keluasan tanah negeri perlu dipertingkatkan.*
- (ii) PHSB perlu terus dijadikan pegangan ke atas pengurusan, pembangunan dan pemeliharaan kawasan HSK, dan tahap pencapaiannya boleh dinilai mengikut ketetapan MC&I(2002). Pelaksanaan ketetapan MC&I(2002) perlu terus dititikberatkan dan dipergiatkan oleh kakitangan JPNJ maupun pihak pelesen pengusahasilan hutan. JPNJ disarankan untuk membentuk Pasukan Audit Dalaman JPNJ bagi memantau dan menyemak/mengaudit dokumentasi dan pelaksanaan MC&I(2002) di lapangan.*
- (iii) Pembinaan dan penyelenggaraan jalan tuju dan lorong penarik bagi pengusahasilan hutan merupakan satu komponen yang sering menjadi isu ketidakakuran (noncompliance) semasa audit persijilan di bawah MC&I(2002). Ini adalah kerana pembinaan jalan dan lorong penarik yang tidak mencapai piawaian yang ditetapkan. Perkara ini perlu diberikan perhatian serius oleh JPNJ dalam memastikan persijilan hutan dapat dikekalkan. Latihan, pemantauan, penyeliaan dan penguatkuasaan hendaklah dipertingkatkan di kalangan pegawai dan kakitangan JPNJ.*
- (iv) Pembangunan ladang hutan getah TLC meninggalkan impak percanggahan (conflict) di antara JPNJ, pengusaha ladang dan masyarakat setempat (terutamanya masyarakat Orang Asli). Percanggahan tersebut perlu diurus/diselesaikan dengan baik.*
- (v) Program Pembangunan Sumber Hutan terutamanya bagi projek rawatan silvikultur ke atas kawasan HSK yang diusahasikan perlu terus dilaksanakan mengikut perancangan sedia ada. Rawatan silvikultur dan pemulihan perlu disasarkan bagi membebaskan pokok-pokok dirian tinggal selepas*

pengusahasilan daripada sebarang saingan dan didominasi oleh pokok lain yang tidak dikehendaki.

- (vi) Program-program pemuliharaan sumber hutan bagi memulihkan kawasan HSK yang miskin atau terosot juga perlu dilaksanakan selaras dengan konsep sumber yang boleh diperbaharui (renewable resource).*
- (vii) Biodiversiti hutan terutamanya dalam HSK perlu dikenalpasti, disurvei, didokumentasi dan dipelihara sebagai khazanah Negara yang berkekalan untuk kepentingan generasi masa kini dan akan datang. Maklumat mengenai sumber biodiversiti flora dan fauna adalah juga berguna bagi mengenalpasti produk dan perkhidmatan hutan alternatif yang boleh dibangun serta dikomersilkan.*
- (viii) Pembangunan dan pemeliharaan kawasan Hutan Perlindungan terutamanya kawasan Hutan Tadahan Air, Hutan Simpanan Hutan Dara, Hutan Perlindungan Hidupan Liar, kawasan HCVF, hutan lipur perlu diberikan perhatian agar fungsinya kewujudannya dapat dikekalkan.*
- (ix) Perlaksanaan RIL diperhebatkan bagi memastikan aktiviti pengusahasilan dan pembukaan jalan hutan tidak memberi kesan negatif dan kerosakan ke atas sistem ekologi dan komposisi dirian.*
- (x) Laporan MEIA yang disediakan perlu digandingkan bersama dalam melaksanakan perancangan RPH. Langkah-langkah mitigasi sebagaimana disyorkan dalam laporan tersebut perlu dilaksanakan sebaik mungkin bagi mengurangkan impak-impak ekoran pelaksanaan aktiviti pengurusan hutan di lapangan dan pelaksanaannya pula perlu dipantau secara berkala selaras dengan peraturan dan SOP yang ditetapkan.*
- (xi) Program Perhutanan Masyarakat melalui pelaksanaan projek Perhutanan-tani boleh dibangunkan bagi menampung keperluan pengeluaran sumber kayu dan bukan kayu dari kawasan HSK.*
- (xii) Sumber-sumber dan perkhidmatan hutan bukan tradisional perlu diterokai sebagai satu sumber atau perkhidmatan alternatif yang boleh dikomersilkan.*
- (xiii) Keunikan kawasan HSK (terutamanya kawasan Gunung Berlumut, Gunung panti, Suaka Burung Panti, Hutan Lipur Sg. Batang) merupakan aset penting yang boleh dipromosikan sebagai produk Eko-Pelancongan yang secara langsungnya dapat menjana pendapatan kepada negeri dan masyarakat setempat.*

- (xiv) *Program kecemerlangan IT dan K-Perhutanan perlu ditingkatkan selaras dengan Pelan Induk Strategi Teknologi Maklumat Ibu Pejabat Perhutanan JPSM khususnya bagi meningkatkan keberkesanan perancangan, pengurusan dan pembangunan sumber hutan negeri. Pangkalan data bagi setiap kompartmen yang meliputi butiran sempadan, sumber kayu dan bukan kayu, ciri-ciri botani, kadar tumbesaran, sumber biodiversiti dan hidupan liar, fenologi, sumber bijibenh, hidrologi, tanah, latarbelakang pembalakan dan sejarah silvikultur, kepentingan sosial, perlindungan dari serangan penyakit, ancaman pencerobohan dan bencana alam perlu disediakan.*
- (xv) *Prasarana dan Infrastruktur yang kondusif serta mencukupiperlu disediakan bagi melancarkan pelaksanaan pelbagai aktiviti Jabatan ke arah mencapai tahap PHSB.*
- (xvi) *Aspek penguatkuasaan perlu dipertingkatkan bagi mencegah pencerobohan kawasan HSK dan aktiviti pembalakan haram.*
- (xvii) *Aspek pengembangan perlu dipertingkatkan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat setempat berhubung kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan hutan serta keperluan bagi kestabilan alam sekitar.*
- (xviii) *Sektor industri berasas kayu disaran melaksanakan pemprosesan hiliran bagi meningkat nilai tambah ke atas produk keluaran sejajar dengan kesusutan perolehan bahan mentah kayu daripada kawasan-kawasan pengusahailan. Penggunaan sisa-sisa pembalakan dan balak bersaiz kecil perlu digalakkan bagi mengurangkan tekanan ke atas pembukaan kawasan hutan untuk pengusahailan.*

Sementara itu, memandang tempoh kedua ini merupakan tempoh terakhir pelaksanaan RPH (2006-2015) dan penyediaan RPH berikutnya bagi tempoh 10 tahun lagi (2016-2025) dijangka akan bermula pada tahun 2014. Dengan itu, JPNJ adalah disarankan mengambilkira perkara-perkara berikut:

- (i) *mengambil langkah segera bagi mengemaskini maklumat-maklumat dan rekod perhutanan Negeri Johor (terutamanya keluasan kawasan berhutan (HSK), rekod VJR, status kawasan HSK (dara/dibalak), maklumat kajian tumbesaran dan sebagainya). Selain daripada rekod-rekod sedia ada, bahan-bahan visual seperti gambar satelit dan gambar udara (satellite imagery and low flying aerial photograph) boleh juga digunakan.*
- (ii) *penyediaan RPH berikutnya juga disaran menyediakan rancangan pengurusan sampingan (supplementary management plan) di dalam RPH utama bagi*

pengurusan kawasan pembangunan ladang getah TLC, pengurusan jajaran CFS dan pengurusan Suaka Burung Panti.

- (iii) peng wartaan HS Ayer Hitam Utara dan sekitarnya sebagai hutan Taman Negeri hendaklah dimasukkan sebagai perkara mustahak dan diberi keutamaan.*
- (iv) struktur organisasi JPNJ disaran untuk dikemaskini dan ditingkatkan semula bagi menampung pertambahan tanggungjawab pegawai dan kakitangan bagi mengurus dan memantau Hutan Taman Negeri, kawasan Suaka Burung Panti dan pengurusan kawasan ladang hutan getah TLC.*